

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]**

**TARIKH : 30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendekatan KLN untuk membantu mereka yang berdepan kesukaran untuk mendapatkan visa untuk tujuan melanjutkan pelajaran di luar negara.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kulai atas pertanyaan yang dikemukakan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

2. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian Luar Negeri sentiasa peka dan prihatin terhadap isu-isu melibatkan pelajar-pelajar Malaysia di luar negara, termasuk mereka yang akan melanjutkan pelajaran ke sana. Antara negara-negara yang menjadi pilihan pelajar-pelajar Malaysia untuk melanjutkan pelajaran di luar negara adalah di Amerika Syarikat, Australia, Canada, United Kingdom (UK), Jepun, Korea Selatan, Russia, Mesir dan Indonesia.

3. Dengan kewujudan Perwakilan-Perwakilan Asing yang berkenaan di Kuala Lumpur, pelajar-pelajar Malaysia tidak mempunyai sebarang masalah untuk mendapatkan visa pelajar di Malaysia, sebelum mengadakan perjalanan ke luar negara bagi melanjutkan pelajaran.

4. Walau bagaimanapun, semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, Kementerian ini telah menerima aduan mengenai kelewatan pemprosesan visa, khususnya melibatkan pelajar-pelajar Malaysia yang akan melanjutkan pelajaran ke UK. Permasalahan yang dihadapi termasuk kesulitan untuk mendapatkan tarikh temu janji bagi urusan visa dengan pihak *UK Visa Application Centre (VAC)*. Keadaan ini berlaku disebabkan pejabat tersebut beroperasi dengan kapasiti 30 peratus (30%) kehadiran di pejabat selaras dengan Pelan Pemulihan Negara Fasa 1.

5. Memandangkan isu ini melibatkan hubungan dua hala antara UK dan Malaysia, terutamanya dalam bidang pendidikan, Kementerian telah bekerjasama dengan Suruhanjaya Tinggi British di Kuala Lumpur bagi

## NO. SOALAN : 37

membolehkan Pejabat UK VAC beroperasi dengan kapasiti 50 peratus (50%) kehadiran di pejabat. Kementerian Luar Negeri juga telah membawa perkara ini kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan ianya telah diluluskan pada 13 Ogos 2021.

6. Kementerian Luar Negeri turut mengambil inisiatif dengan menghubungkan Suruhanjaya Tinggi British di Kuala Lumpur dengan *Brickfields Asia College* (BAC) bagi membolehkan Pejabat UK VAC tambahan dibuka secara sementara di bangunan BAC di Petaling Jaya pada 18 Ogos 2021. Pembukaan pejabat sementara tersebut telah membolehkan pihak UK VAC menyediakan 144 tambahan slot temujanji bagi urusan visa ke UK setiap hari berbanding 108 sehari bagi membolehkan lebih ramai pelajar mendapat temujanji bagi urusan visa ke UK. Kedua-dua Pejabat asal UK VAC dan sementara tersebut juga dibuka pada hari Sabtu.

7. Kementerian Luar Negeri amat prihatin dan sentiasa pro-aktif dalam membantu para pelajar kita yang menghadapi kesukaran, disamping berusaha memastikan kebajikan mereka di luar negara sentiasa terpelihara.

Sekian, terima kasih.